



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI MELAKA TAHUN 2021

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Subseksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Subseksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Subseksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

2. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

3. LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka Tahun 2021 pula telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 12 Disember 2022.
4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi dan satu pengauditan pengurusan syarikat telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Audit Negara Negeri Melaka seperti berikut:

4.1.1. Pengurusan Produktiviti Ternakan dan Perikanan Negeri Melaka

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka dan Jabatan Perikanan Negeri Melaka

- a. Objektif program berkaitan produktiviti ternakan dan perikanan negeri Melaka yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka (JPVNM) dan Pejabat Perikanan Negeri Melaka (PPNM) ialah untuk meningkatkan produktiviti makanan mengikut piawaian Malaysian Good Agricultural Practice (MyGAP) dengan mengoptimumkan kawasan pertanian dan penggunaan teknologi baharu dan baka yang baik.

- b. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan produktiviti ternakan dan perikanan bagi dua agensi di negeri Melaka belum mencapai objektif yang ditetapkan sepenuhnya. Produktiviti daging lembu/kerbau dan akuakultur menunjukkan trend menurun dari tahun 2017 hingga 2020. Selain itu, Zon Industri Akuakultur (ZIA) tidak dibangunkan secara optimum selaras dengan tujuan pengezonan seperti yang diwartakan.
- c. Pencapaian output bagi pengeluaran susu segar pada tahun 2021 menurun dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 2.70 juta liter susu berbanding pengeluaran sebanyak 2.64 juta liter susu iaitu kekurangan sebanyak 0.06 juta liter (2.2%). Pengeluaran akuakultur bagi tahun 2018 dan 2019 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 10,963.56 tan metrik dan 13,293.00 tan metrik berbanding pengeluaran sebanyak 6,339.37 tan metrik (57.8%) dan 3,738.49 tan metrik (28.1%). Tahap sara diri (SSL) negeri Melaka pada tahun 2020 bagi pengeluaran terpilih iaitu pengeluaran daging lembu/kerbau sebanyak 28.1% dan susu segar sebanyak 55.1%. SSL dikira oleh JPVNM berdasarkan pengeluaran produktiviti berbanding dengan keperluan penduduk negeri Melaka.

4.1.2. Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.

- a. Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. (PMHSB) merupakan syarikat milikan penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). Objektif utama penubuhan PMHSB adalah untuk menjalankan aktiviti perkhidmatan korporat dan kesetiausahaan syarikat, perkhidmatan insurans/takaful, pelaburan kewangan dan harta tanah, pembangunan perniagaan dan perladangan serta perkhidmatan perakaunan dan percukaian.
- b. Pengauditan melibatkan pengurusan syarikat PPMSB yang meliputi tiga aspek utama, iaitu tadbir urus korporat; aktiviti utama syarikat yang merangkumi perkhidmatan kesetiausahaan, pelaburan/penyewaan harta tanah serta perkhidmatan insurans/takaful; dan kedudukan kewangan.
- c. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan PMHSB belum dapat dicapai sepenuhnya. Amalan tadbir urus korporat PMHSB adalah memuaskan sahaja kerana hanya empat daripada lapan amalan terbaik tadbir urus korporat dilaksanakan sepenuhnya. Bagaimanapun, empat aspek yang tidak dilaksanakan sepenuhnya telah memberi kesan kepada tahap kecekapan dan

keberkesanan operasi harian syarikat. Ketiadaan SOP kewangan yang menyeluruh dan terperinci telah memberi kesan kepada pengurusan kewangan PMHSB terutamanya berkaitan kutipan hutang dan kemudahan pinjaman kepada kakitangan. Kerugian terkumpul syarikat subsidiari, jika tidak diatasi juga boleh menjelaskan aliran tunai PMHSB.

- d. Pencapaian output bagi perkhidmatan kesetiausahaannya syarikat, pelaburan/penyewaan hartanah dan perkhidmatan insurans/takaful adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan aktiviti syarikat adalah memuaskan. Tiga aktiviti yang dipilih iaitu perkhidmatan kesetiausahaannya syarikat, pelaburan/penyewaan hartanah dan perkhidmatan insurans/takaful telah menyumbang 86.4% kepada keseluruhan pendapatan operasi PMHSB. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti syarikat yang menjelaskan kecekapan operasi syarikat, khususnya bagi perkhidmatan kesetiausahaannya syarikat dan pelaburan/penyewaan hartanah. Namun, kedudukan kewangan PMHSB berada pada tahap stabil.

4.2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka Tahun 2021

4.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- c. Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara. Kerajaan Negeri Melaka hendaklah memastikan

perekodan setiap urus niaga berdasarkan konsep berhemat (Prudence Concept) dan wujud konsistensi bagi perkara berikut:

- i. penjualan bangunan Wisma Melaka di Mesir yang dibuat secara pelarasan kontra antara pinjaman Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan hasil jualan harta benda Kerajaan negeri perlu mengambil kira keperluan untuk tidak melakukan kontra kerana ia tidak selaras dengan kerangka kerja perakaunan; dan
- ii. Kerajaan negeri sepatutnya membuat kaedah pengiktirafan hasil terimaan bayaran balik pinjaman daripada MAIM mengikut nilai anuiti yang ditetapkan dalam perjanjian.

4.2.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
 - b. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri Melaka adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2021 berjumlah RM258.11 juta, meningkat sebanyak RM97.71 juta berbanding RM160.40 juta pada akhir tahun 2020.
 - c. Akaun Hasil Disatukan meningkat sebanyak RM65.83 juta. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM65.37 juta kepada RM458.25 juta berbanding RM392.88 juta pada tahun 2020.
5. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan sembilan syor di dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka dan enam syor di dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka Tahun 2021.

6. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 12 Disember 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 12 Disember 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

12 Disember 2022
17 Jamadil Awal 1444H